


87-1036



Zurina Ismail

KEDAH

Darul Aman



SIRI SEJARAH RINGKAS TANAH AIR

KEDAH

Darul Aman

Zurina Ismail

disunting oleh
Anita bt Morah Abas



PELANDUK PUBLICATIONS

0143333333
Jabatan Pendidikan Kedah
Kuala Lumpur

Diterbitkan oleh
Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd
23M Jalan SS2/67,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

© Zurina Ismail 1987

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Rujukan

Haji Buyong Adil — *Sejarah Kedah* — Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

ISBN No. 967-978-118-6 (Siri)
967-978-121-6


Sejarah Ringkas Negeri Kedah

Pulau Langkawi di negeri Kedah terkenal sebagai tempat peranginan. Kemasyhuran pulau ini boleh dilihat dari pemandangannya yang indah, pantai yang putih bersih dan juga beberapa tempat sejarah yang menarik hati. Salah satu daripada tempat sejarah yang menjadi tumpuan para pelawat dan pelancong ialah Makam Mahsuri. Ianya terletak di Padang Masirat. Kisah Mahsuri memang terkenal dalam sejarah negeri Kedah.

Peristiwa ini berlaku dua abad yang lampau semasa negeri Kedah diperintah oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah (II). Sultan Muhammad Jiwa adalah Sultan Kedah Ke-19. Baginda memerintah daripada tahun 1710 hingga tahun 1778.

Menurut sejarah ringkasnya, Mahsuri adalah anak kepada Pandak Maya, seorang kampung yang miskin. Isterinya bernama Mak Endang Alang. Satu kejadian aneh telah berlaku ke atas keluarga ini sebelum Mahsuri dilahirkan. Kehidupan Pandak Maya tiba-tiba bertukar daripada hidup miskin hingga menjadi kaya-raya. Kekayaan yang diperolehinya itu adalah hasil daripada jualan sarang burung layang-layang yang dijumpainya di dalam sebuah gua.

Setelah meningkat dewasa, kecantikan Mahsuri menjadi masyhur di seluruh Pulau Langkawi. Ramai orang lelaki yang ingin memiliki Mahsuri, baik yang belum berkahwin mahupun



Peta Negeri Kedah

yang telah berkahwin. Mereka benar-benar tergilagilakan Mahsuri. Ini menyebabkan ramai anak gadis dan isteri orang cemburu dengan kecantikan yang dimiliki oleh Mahsuri. Salah seorang daripada mereka ialah Mahura. Beliau adalah isteri kepada Datuk Seri Kerma Jaya. Mahura tersangat marah apabila Datuk Seri Kerma Jaya menyatakan hasratnya ingin mengahwini Mahsuri untuk dijadikan isteri kedua. Sebagai seorang isteri, Mahura tidak mahu dimadukan. Tidaklah jadi Datuk Seri Kerma Jaya mengahwini Mahsuri, sebaliknya mereka berdua ingin mengambil Mahsuri untuk dijadikan menantu. Dengan itu, Mahsuri pun dikahwinkan dengan Mat Deris anak lelaki mereka.

Beberapa lama kemudian, Mahsuri melahirkan seorang anak lelaki yang diberi nama Mat Arus. Malangnya, Mahsuri tidak dapat hidup lama. Walaupun telah bersuami dan mempunyai seorang anak lelaki, beliau telah difitnahkan berlaku curang dengan Deramang. Orang yang membuat fitnah itu ialah emak mentua Mahsuri sendiri iaitu Mahura. Sebenarnya, Mahura terlalu cemburu kerana ramai orang datang ke rumah Mahsuri untuk mendengar Deramang membaca hikayat dan syair. Ini menyebabkan orang yang datang ke rumahnya semakin kurang. Pemuda yang bernama Deramang pula adalah seorang yang miskin. Oleh kerana kepandaian-nya membaca hikayat dan syair, beliau telah ditugaskan oleh Mahsuri untuk menghiburkan hatinya. Mahsuri ingin mengisi masa lapangnya sementara menantikan kepulangan suaminya dari berniaga ke negeri Siam.


Tanpa menyiasat terlebih dahulu perkara itu, Ketua Pemerintah Pulau Langkawi telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Mahsuri. Hukumannya ialah ditikam dengan tombak sehingga mati. Hairannya semua tombak yang digunakan tidak dapat menembusi tubuh Mahsuri. Akhirnya, Mahsuri memberitahu mereka bahawa hanya tombak yang

terdapat di rumahnya sahaja yang boleh membunuh beliau. Apa yang lebih menghairankan ialah apabila Mahsuri ditikam, darah putih memancut keluar dari tubuhnya dan bukannya darah merah! Peristiwa ini menjelaskan bahawa Mahsuri tidak bersalah. Oleh kerana tidak berdosa, sebelum meninggal dunia Mahsuri telah bersumpah. Menurut sumpahnya, Pulau Langkawi tidak akan aman dan makmur sehingga genap tujuh keturunan.

Sebenarnya, sejarah negeri Kedah bermula lama dahulu sebelum kisah Mahsuri. Pada mulanya, penduduk negeri Kedah tidak diperintah oleh raja. Dengan kata lain, negeri Kedah tidak mempunyai seorang raja pun. Ramai orang Siam dan orang Burma yang tinggal di negeri Kedah. Negeri Kedah diperintah oleh Ketua-ketua orang Melayu.

Beberapa lama kemudian, datanglah seorang raja dari negeri Parsi. Raja ini bernama Maharaja Derbar Raja. Baginda adalah raja Parsi yang mula-mula sampai ke negeri Kedah. Baginda meninggalkan negeri Parsi setelah kalah dalam satu peperangan. Baginda terpaksa lari menyelamatkan diri. Kedatangan Maharaja ini diterima baik oleh Ketua-ketua orang Melayu. Tinggallah Maharaja Derbar Raja di negeri Kedah buat sekian lamanya. Sifat-sifat diri yang dimiliki oleh Maharaja Derbar Raja sangat disenangi oleh Ketua-ketua orang Melayu dan penduduk negeri Kedah. Maharaja mempunyai budi pekerti yang baik. Baginda dihormati dan disegani oleh seluruh penduduk negeri Kedah.

Pada suatu hari, Ketua-ketua orang Melayu mengadakan mesyuarat. Mereka berpendapat bahawa negeri Kedah sepatutnya ada seorang raja. Mengkaji sifat-sifat diri Maharaja Derbar Raja, sememangnya baginda layak menjadi Raja Kedah. Di akhir mesyuarat, semua yang hadir bersetuju untuk melantik Maharaja Derbar Raja menjadi raja negeri Kedah. Berita ini disampaikan kepada Maharaja Derbar Raja. Maharaja



Peta Pulau Langkawi

sungguh terharu dengan penghormatan tersebut. Dengan itu, Maharaja Derbar Raja pun dilantik menjadi raja negeri Kedah yang pertama.

Daripada bagindalah berasalnya raja-raja negeri Kedah. Maharaja Derbar dan keturunan baginda memerintah negeri Kedah dengan adil. Rakyat hidup dengan aman, banyak bandar dan tempat baru dibuka. Di antara bandar-bandar dan tempat-tempat baru yang dibuka ini ialah Kota Bandar, Sidim, Bandar Bukit Meriam, Kota Ok, Kota Arung-arungan dan lain-lain lagi. Pembukaan bandar dan tempat baru ini sangat menarik minat saudagar dan penduduk dari negeri-negeri lain. Ramai penduduk dari negeri-negeri lain datang dan tinggal di negeri Kedah. Orang Pegu, Burma, Ligor, Cina dan Siam membuat tempat kediaman mereka di negeri Kedah. Kedatangan mereka ini menyebabkan penduduk negeri Kedah bertambah. Mereka kemudiannya berkahwin dengan orang-orang Melayu. Pekerjaan yang mereka lakukan ialah bercucuk tanam, berniaga dan menangkap ikan. Hasil yang didapati dari pekerjaan inilah mereka menyara keluarga mereka.

Di bidang perdagangan pula, ramai saudagar dari negeri asing datang berniaga ke negeri Kedah. Negeri Kedah juga membuat hubungan perdagangan dengan negara Burma dan India. Perniagaan negeri Kedah bertambah maju.

Di bawah pemerintahan Maharaja Derbar Raja dan keturunan baginda, rakyat negeri Kedah menganut berbagai-bagai agama. Agama-agama yang menjadi pegangan mereka ialah agama Hindu, Buddha, menyembah matahari, bulan, bintang, mempercayai kuasa-kuasa ghaib dan bermacam-macam lagi. Agama Islam belum lagi tersebar pada waktu itu.

Rakyat negeri Kedah menukar agama mereka kepada agama Islam pada masa pemerintahan Maharaja Derbar Raja II. Baginda adalah Raja Kedah Ke-9. Peristiwa bersejarah ini telah berlaku pada tahun 1136. Pada tahun itu, datang

seorang Syeikh dari negara Arab. Beliau datang bersama-sama 11 orang sahabatnya. Syeikh ini bernama Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Qaumiri. Beliau adalah seorang penganut agama Islam yang alim. Beliau juga seorang mubaligh Islam. Tujuan kedatangan beliau ialah untuk mengembangkan agama Islam. Kedatangan beliau disambut dengan baik oleh Maharaja Derbar Raja (II).

Pada suatu hari, semasa masuk menghadap, Syeikh Abdullah telah menerangkan kepada Maharaja Derbar Raja (II) dan menteri-menteri baginda tentang keagungan dan kebesaran agama Islam. Syeikh Abdullah sedar, tugas yang dilakukannya sesungguhnya amat berat. Ini memandangkan agama Islam adalah agama baru dan terlalu asing bagi mereka. Jadi, beliau cuba memberikan gambaran yang paling mudah tentang Islam agar dapat diterima oleh mereka. Beliau berharap penjelasan yang diberikan akan dapat diterima oleh mereka dengan baik. Maharaja Derbar amat tertarik hati dengan penjelasan tentang agama Islam oleh Syeikh Abdullah.

Kemudiannya, baginda serta menteri-menteri baginda dengan rela hati memeluk agama Islam. Upacara pengislaman beramai-ramai ini dilakukan oleh Syeikh Abdullah. Maharaja Derbar Raja telah menukar nama kepada Sultan Muzaffar Shah. Negeri Kedah pula ditukar nama kepada Kedah Darul Aman. Orang-orang Melayu turut menukar agama asal mereka kepada agama Islam. Sultan Muzaffar Shah kemudiannya melantik Syeikh Abdullah sebagai penasihat baginda. Kini, tamatlah pemerintahan raja-raja dari negara Parsi yang bukan beragama Islam. Sultan Muzaffar Shah dan raja seterusnya yang juga berasal dari negara Parsi telah memeluk agama Islam dan memakai gelaran sultan.

Sebagai memperingati peristiwa bersejarah dalam pemerintahan baginda ini, Sultan Muzaffar telah memerintahkan supaya sebuah menara dibina di puncak Gunung Jerai. Selain

dari memperingati Maharaja Derbar memeluk agama Islam, menara ini juga dibina sebagai tempat orang “bang” (azan). Syeikh Abdullah dilantik sebagai penasihat pembinaan menara itu. Tetapi sebelum menara itu siap, Syeikh Abdullah telah jatuh sakit dengan tiba-tiba dan terus meninggal dunia. Jenazah beliau telah dikebumikan berdekatan dengan menara yang belum siap itu. Tempat itu sekarang dikenali sebagai “Padang Tuk Syeikh”. Sultan Muzaffar memerintah selama kira-kira 43 tahun (1179). Kedah selepas itu diperintah oleh keturunan baginda. Lima orang sultan yang berikutnya telah memerintah dengan bijak dan adil. Rakyat hidup dengan aman makmur. Negeri Kedah menjadi semakin terkenal.

Keamanan negeri Kedah tidak dapat kekal lama. Peperangan berlaku di antara negeri Kedah dengan negeri Aceh semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Shah (I). Baginda adalah Sultan Kedah Ke-7. Baginda memerintah pada tahun 1373-1423. Raja Aceh sangat tertarik hati dengan kekayaan dan kemakmuran negeri Kedah serta kecantikan puteri baginda yang dikatakan berdarah putih. Raja Aceh ingin menakluk negeri Kedah dan mengahwinkan puteri baginda dengan puteranya. Malangnya Raja Aceh tidak berjaya menakluk negeri Kedah. Raja Aceh kemudiannya telah menghantar rombongan meminang puteri berdarah putih untuk dikahwinkan dengan putera baginda.

Sultan Sulaiman sangat sayang kepada puteri baginda yang berdarah putih itu. Baginda enggan menyerahkan puteri baginda itu kepada Raja Aceh. Sultah Sulaiman telah memberikan puteri baginda yang seorang lagi. Raja Aceh tidak menyedari bahawa puteri tersebut telah ditukarkan. Lagipun, puteri yang akan berkahwin dengan putera baginda juga cantik.

Tidak lama setelah berkahwin, jari puteri Sultan Sulaiman terluka ketika sedang mengacip buah pinang. Apabila melihatkan darah yang mengalir keluar adalah merah dan

bukannya putih, Raja Aceh tersangat marah dan malu. Raja Aceh telah menitahkan hulubalangnya mengumpulkan bala tentera yang kuat untuk menyerang negeri Kedah dan mengambil puteri berdarah putih. Dengan itu, berlakulah pertempuran hebat di antara angkatan perang negeri Aceh dengan negeri Kedah. Angkatan perang negeri Aceh berjaya juga akhirnya mengalahkan angkatan perang negeri Kedah.

Sebelum angkatan perang Raja Aceh dapat mengambil puteri berdarah putih untuk dibawa pulang ke Aceh, Sultan Sulaiman telah menitahkan puteri baginda itu dibunuh. Sultan Sulaiman dapat ditawan. Baginda dibawa pulang ke Aceh. Raja Aceh sungguh kesal terhadap perbuatan Sultan Sulaiman yang lebih rela membunuh puterinya daripada menjadi menantu baginda. Setelah dibicarakan, Sultan Sulaiman didapati bersalah. Raja Aceh menitahkan supaya Sultan Sulaiman dibunuh.

Dari peristiwa ini, dapatlah dibuat satu kesimpulan. Sultan Sulaiman lebih mementingkan puteri baginda berdarah putih daripada memikirkan tentang keselamatan rakyat jelata. Baginda tidak sanggup menyerahkan puteri yang seorang untuk dikahwinkan dengan putera Raja Aceh. Yang menjadi korban ialah rakyat jelata. Hanya kerana seorang puteri berdarah putih telah menyebabkan ramai penduduk negeri Kedah yang tidak berdosa dibunuh oleh angkatan perang Raja Aceh.

Kira-kira 196 tahun iaitu hampir 2 abad kemudian, kerajaan Aceh bercadang untuk menyerang negeri Kedah sekali lagi. Ini berlaku pada tahun 1619. Rancangan mereka telah diketahui oleh baginda sultan. Sultan pada masa itu ialah Sultan Sulaiman (II) (1602-1619). Baginda adalah Sultan Kedah Ke-12. Baginda sedar bahawa angkatan perang negeri Aceh sangatlah kuat. Dibandingkan dengan angkatan perang baginda, sudah tentulah mereka tidak dapat mempertahankan negeri Kedah dari serangan tentera Aceh ini. Sekiranya

berlaku peperangan, sudah tentulah pihak baginda kalah. Baginda tidak mahu negeri Kedah dibinasakan oleh angkatan perang Raja Aceh.

Oleh itu, kerajaan negeri Kedah bersetuju untuk menerima kedatangan Raja Aceh dan askar-askarnya dengan baik. Raja Aceh pada masa itu ialah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Hanya jalan inilah sahaja yang dapat dilakukan untuk mengelakkan daripada berlakunya peperangan. Rancangan itu berjaya. Raja Aceh tidak jadi menyerang negeri Kedah. Baginda sangat sukacita melihatkan sambutan yang diterima daripada raja dan rakyat negeri Kedah. Sultan Sulaiman berbaik-baik dengan Raja Aceh.

Tidak lama kemudian, tibalah masanya Raja Aceh pulang ke negeri baginda. Baginda telah menjemput Sultan Sulaiman bersama. Sultan Sulaiman menerima jemputan Raja Aceh itu. Baginda pun berangkat meninggalkan negeri Kedah bersama 7,000 rakyat baginda. Apabila sampai di sana, satu peristiwa yang tidak disangka-sangka telah berlaku. Baginda kemudiannya dijadikan orang tawanan dan tidak dibenarkan pulang langsung oleh Raja Aceh.

Oleh kerana Sultan Sulaiman telah menjadi orang tawanan di Aceh, putera Sultan Sulaiman bernama Tunku Rijaluddin ditabalkan sebagai Sultan Kedah Ke-13 pada tahun 1619. Baginda bergelar Sultan Rijaluddin Muhammad Shah. Baginda sedar bahawa semasa pemerintahan ayahanda baginda, Sultan Sulaiman cuba mengadakan hubungan baik dengan Raja Aceh. Tetapi nampaknya, cita-cita baginda tidak tercapai kerana baginda sendiri ditawan oleh Raja Aceh. Raja Aceh telah mengkhianati hubungan persahabatan ini.

Sultan Rijaluddin menjadikan peristiwa ini sebagai satu pengajaran dan teladan. Baginda tidak mahu kejadian masa lalu berulang kembali ke atas diri baginda pula. Baginda mesti berjaga-jaga apabila membuat sesuatu urusan dengan Raja

Acheh. Sebagai langkah berjaga-jaga, Sultan Rijaluddin telah meminta perlindungan daripada Raja Siam. Raja Siam bersetuju menghantar bantuan askar ke negeri Kedah untuk menentang tentera Acheh. Sultan Rijaluddin bernasib baik. Acheh tidak lagi menyerang negeri Kedah semenjak peristiwa penangkapan Sultan Sulaiman.

Semasa pemerintahan Sultan Rijaluddin, orang-orang Belanda telah sampai ke Tanah Melayu. Baginda mendapat tahu, negeri Melaka telah ditawan oleh Belanda pada tahun 1641. Orang-orang Belanda berjaya mengusir orang-orang Portugis keluar dari negeri Melaka. Setelah itu, orang-orang Belanda pergi ke Kedah. Kedatangan mereka diterima dengan baik oleh Sultan Rijaluddin. Satu perjanjian perdagangan telah ditandatangani di antara Sultan Rijaluddin dengan seorang duta Belanda. Menurut perjanjian, Sultan Rijaluddin akan sama-sama menjalankan perniagaan dengan Belanda.

Pada mulanya, perjanjian perdagangan ini dipatuhi oleh kedua belah pihak. Apabila Sultan Rijaluddin mangkat pada tahun 1652, putera baginda bernama Tunku Muhyiddin menggantikan baginda. Tunku Muhyiddin bergelar Sultan Muhyiddin Mansur Shah. Baginda adalah Sultan Kedah Ke-14. Sultan Muhyiddin tidak mematuhi perjanjian perdagangan yang ditandatangani oleh ayahanda baginda dengan Belanda dahulu. Baginda benci orang-orang Belanda. Baginda telah memenjarakan beberapa orang Belanda.

Pada tahun 1658, orang-orang Melayu telah menyerang sebuah kapal kepunyaan orang Belanda. Dalam serangan ini, beberapa orang Belanda telah terbunuh. Kejadian ini segera dilaporkan kepada pegawai-pegawai tertinggi Belanda. Apabila mendengar berita ini, mereka sungguh terkejut dan sangat marah. Orang-orang Belanda membalas balik perbuatan orang-orang Melayu ini. Mereka menyekat kuala-kuala sungai di Kedah dengan kapal. Sekatan ini menyebabkan per-

niagaan tergendala. Ini adalah kerana kapal-kapal dan perahu-perahu pedagang yang sering berulang-alik ke kuala sungai tidak dapat keluar dan masuk untuk menjalankan urusan perniagaan seperti biasa.

Dengan ini, bermulalah permusuhan secara terbuka di antara orang-orang Belanda dengan orang-orang Kedah. Permusuhan ini berlaku hampir 9 tahun semasa pemerintahan Sultan Muhyiddin sehinggalah Sultan Kedah yang berikutnya menggantikan Sultan Muhyiddin pada tahun 1661. Baginda ialah Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (I) iaitu Sultan Kedah Ke-15. Baginda berusaha membuat perdamaian dengan Belanda. Usaha baginda tidaklah sia-sia. Setelah lebih daripada 3 tahun mengepung kuala-kuala sungai di negeri Kedah, akhirnya Belanda menarik balik kapal-kapal mereka. Belanda menerima perdamaian Sultan Dhiauddin. Perjanjian perdamaian ini ditandatangani pada tahun 1668.

Setelah berbaik-baik semula dengan Belanda, Kedah diancam pula oleh Siam. Raja Siam telah menghantar angkatan perangnya ke negeri Kedah. Ancaman ini dilakukan kerana Sultan Kedah tidak lagi menghantar hadiah “bunga mas” seperti yang dilakukan sebelum ini. Kedatangan angkatan perang negeri Siam ini adalah untuk memaksa Sultan Kedah menghantar “bunga mas” kepada raja mereka. Sultan Dhiauddin sangat marah. Selama ini, penghantaran “bunga mas” yang dilakukan setiap 3 tahun sekali adalah semata-mata sebagai tanda persahabatan.

Tetapi nampaknya Raja Siam telah menganggap bahawa “bunga mas” adalah sebagai “uhti” tunduk kepada kekuasaan Siam. Lebih tepat lagi “bunga mas” adalah sebagai “hadiah perlindungan” dari Sultan Kedah kepada Raja Siam. Ini bermakna sekiranya ada bangsa-bangsa asing yang ingin menakluk negeri Kedah, Siam akan menghantar bantuan ketenteraan. Sultan Dhiauddin tetap tidak mahu menghantar

tar “bunga mas”. Dengan itu, berlakulah peperangan di antara angkatan perang Siam dengan angkatan perang Kedah. Dalam pertempuran ini, angkatan perang Siam dapat dikalahkan.

Pada tahun 1678, Tunku Ata’Allah dijadikan Raja Muda Kedah. Tunku Ata’Allah adalah putera Sultan Dhiauddin. Baginda kelak akan menggantikan Sultan Dhiauddin sebagai Sultan Kedah. Perlantikan Tunku Ata’Allah disokong penuh oleh orang besar-besar Kedah. Orang besar-besar Kedah tidak mahu menerima Tunku Ngah Putera sebagai Raja Muda Kedah kerana baginda berdarah Bugis. Ini menyebabkan Tunku Ngah Putera sangat berkecil hati dan merasa terhina lalu baginda lari ke Bugis.

Mengenai Tunku Ngah Putera, baginda adalah cucunda kepada Sultan Dhiauddin. Baginda adalah putera kepada Tunku Safura Negara (puteri Sultan Dhiauddin) yang telah berkahwin dengan seorang anak raja Bugis bernama Raja Juang Tawa. Peristiwa ini akhirnya menyebabkan berlakunya peperangan tetapi angkatan perang Kedah dapat mengalahkan angkatan perang Bugis. Tunku Ngah Putera terpaksa menyelamatkan diri. Tunku Ata’Allah kemudiannya ditabalkan sebagai Sultan Kedah Ke-16 menggantikan Sultan Dhiauddin pada tahun 1688. Baginda bergelar Sultan Ata’Allah Muhammad Shah II.


Pada tahun 1710, negeri Kedah diperintah pula oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah (II). Semasa pemerintahan bagindalah berlakunya kisah Mahsuri. Setelah Mahsuri mati dihukum bunuh, Pulau Langkawi diserang oleh Siam. Ramai rakyat mati dibunuh oleh tentera Siam dan habis semua jelapang padi di Padang Masirat dibakar. Datuk Seri Kerma Jaya dan isterinya Mahura turut terbunuh.

Negeri Kedah tidak lagi aman makmur. Perebutan kuasa dan perang saudara telah menyebabkan keadaan negeri Kedah

menjadi semakin huru-hara. Adinda Sultan Muhammad Jiwa ingin merampas takhta kerajaan. Sultan Muhammad Jiwa telah meminta pertolongan daripada Raja Bugis Lima Bersaudara. Adinda sultan pula meminta pertolongan Raja Kechil daripada Siak. Peperangan berlaku dan akhirnya pihak Raja Kechil tewas. Sultan Muhammad Jiwa masih lagi dapat mempertahankan kedudukan baginda sebagai Sultan Kedah. Kesan daripada peperangan ini juga telah menyebabkan perniagaan di negeri Kedah tergendala. Saudagar-saudagar asing tidak mahu berniaga di negeri Kedah. Perdagangan negeri Kedah tidak berjalan dengan lancar.

Sultan Muhammad Jiwa terus berusaha untuk menjalankan pemerintahan dengan lebih adil dan berperaturan. Baginda juga berusaha untuk memajukan negeri dan meninggikan taraf hidup rakyat. Namun begitu, negeri Kedah tidak juga aman. Ada beberapa orang kerabat diraja Sultan Muhammad Jiwa yang tidak setuju dengan cara pemerintahan baginda. Ini disebabkan baginda telah melantik putera baginda Tunku Abdullah sebagai Raja Muda. Lebih-lebih lagi baginda telah menyerahkan segala urusan pentadbiran kepada Tunku Abdullah. Kerabat diraja ini telah menyusun satu gerakan sulit untuk merampas kuasa. Terdapat juga sekumpulan rakyat baginda yang menderhaka dan menyebelahi kerabat diraja ini. Puak ini telah meminta bantuan daripada orang-orang Bugis untuk menentang Sultan Muhammad Jiwa. Pakatan sulit ini tidak sedikit pun diketahui oleh Sultan Muhammad Jiwa dan Tunku Abdullah. Apabila orang-orang Bugis ini tiba di negeri Kedah dan bersatu dengan puak penentang Sultan Muhammad Jiwa, mereka pun melakukan serangan di beberapa buah tempat.

Berita penyerangan ini telah sampai ke pengetahuan Sultan Muhammad Jiwa. Baginda sungguh terkejut dan tidak menduga sama sekali ada juga rakyat baginda yang menderhaka. Sultan Muhammad Jiwa terpaksa meminta pertolongan



Kubu di Kuala Kedah

daripada pihak Inggeris. Pihak Inggeris pula memang berminat untuk menjalankan perniagaan di negeri Kedah. Mereka memohon untuk membina sebuah gudang perniagaan di negeri Kedah. Permintaan ini dipersetujui oleh Sultan Muhammad Jiwa dengan syarat pihak Inggeris mesti menolong mempertahankan negeri Kedah. Perjanjian perdagangan pun ditandatangani oleh kedua belah pihak.

Dengan pertolongan pihak Inggeris, askar-askar Bugis dapat dikalahkan pada tahun 1771. Pemberontakan dapat dipatahkan. Pada tahun 1772, pihak Inggeris telah memohon untuk memajak tanah negeri Kedah daripada Sultan Muhammad Jiwa. Baginda bersetuju. Sebagai balasannya, pihak Inggeris mestilah membantu baginda sekiranya berlaku pemberontakan dari rakyat baginda dan serangan dari askar-askar Bugis. Pihak Inggeris menerima syarat Sultan Muhammad Jiwa. Selain daripada itu, baginda juga memberi hak berdagang lada hitam, bijih timah dan gading gajah. Orang-orang Inggeris dibenarkan tinggal di negeri Kedah. Kota di Kuala Kedah diberikan kepada Inggeris oleh Sultan Muhammad Jiwa. Cukai-cukai di sekitar kawasan Kuala Kedah itu dipungut oleh orang-orang Inggeris.

Lama-kelamaan Sultan Muhammad Jiwa menyedari bahawa pihak Inggeris cuma mahu mengawasi negeri Kedah tetapi mereka tidak mahu memerangi negeri musuh. Pihak Inggeris juga tidak mahu memberi bantuan ketenteraan. Sultan Muhammad Jiwa tidak dapat berbuat apa-apa. Perjanjian perdagangan sudah pun ditandatangani oleh kedua belah pihak. Walaupun pihak Inggeris telah melanggar syarat-syarat perjanjian tetapi baginda tidak dapat melakukan sesuatu tindakan ke atas mereka. Ini adalah kerana askar-askar Inggeris jauh lebih kuat daripada angkatan perang baginda. Orang-orang besar Kedah mula tidak berpuas hati dengan cara pemerintahan pihak Inggeris. Mereka juga tidak suka Sultan Muhammad Jiwa terlalu memberi kebebasan kepada pihak Inggeris. Ini-

lah akibatnya, orang-orang Inggeris mula menunjukkan besar kepala. Dengan ini, timbullah permusuhan di antara orang-orang Kedah dengan orang-orang Inggeris. Hubungan di antara kerajaan Kedah dengan Inggeris juga tidak baik.

Oleh kerana itu, apabila pihak Inggeris memohon untuk membina sebuah gudang perniagaan lagi, Sultan Kedah yang seterusnya iaitu Sultan Abdullah Mukarram Shah yang memerintah pada tahun 1778 tidak membenarkan. Baginda adalah Sultan Kedah Ke-20 menggantikan Sultan Muhammad Jiwa. Pihak Inggeris tidak berputus asa. Mereka meminta pula Sultan Abdullah memberikan Pulau Pinang. Permintaan itu diluluskan. Pulau Pinang telah diberikan kepada Inggeris pada tahun 1785. Pihak Inggeris dikenakan beberapa syarat.

Sebelum itu, Sultan Abdullah cuba memperbaiki hubungannya dengan Raja Siam. Baginda telah menitahkan supaya “bunga mas” dihantar semula ke negeri Siam. Ini dilakukan pada tahun 1781. Raja Siam menerima dengan senang hati. Sementara itu, Sultan Abdullah membuat hubungan baik dengan Burma. Kerajaan Burma telah meminta pertolongan Sultan Abdullah untuk memerangi selatan negeri Siam. Mereka menghendaki bekalan senjata dan peluru dikirimkan dengan segera. Sultan Abdullah menunaikan permintaan kerajaan Burma ini. Ini adalah kerana baginda telah mengiktiraf kekuatan kerajaan Burma. Pada masa yang sama juga Sultan Abdullah memberi pertolongan kepada pihak Siam menentang Burma. Negeri Siam dan Burma bermusuhan. Dalam hal ini, tujuan baginda memberikan bantuan kepada kedua-dua buah negeri yang bermusuhan adalah hendak menyelamatkan negeri Kedah. Tetapi tindakan baginda ini membahayakan diri sendiri dan keselamatan negeri. Sikap baginda sebagai “talam dua muka” iaitu berbuat baik kepada dua buah kerajaan yang bermusuhan untuk kepentingan diri sendiri.

Apabila kerajaan Siam mendapat tahu Sultan Abdullah telah menolong Burma, Raja Siam amat marah. Selama ini Raja Siam menganggap negeri Kedah di bawah jajahan takluk Siam. Raja Siam mengancam hendak menyerang negeri Kedah sekiranya Sultan Abdullah enggan menyediakan wang, makanan dan senjata. Sultan Abdullah mula bimbang kerana baginda tidak dapat menyediakan kesemua barang yang dipinta oleh Siam. Sultan Abdullah kemudiannya meminta pertolongan Inggeris tetapi ditolak. Baginda marah kerana pihak Inggeris tidak mahu menolong baginda di saat-saat baginda benar-benar memerlukan bantuan ketenteraan Inggeris. Sultan Abdullah berazam akan "mengajar" Inggeris suatu masa nanti. Kerajaan Siam masih terus mengancam negeri Kedah. Mereka memaksa Sultan Kedah menghantar segala bentuk bantuan yang diperlukan. Sekiranya baginda enggan, negeri Kedah akan diserang. Sultan Abdullah tersangat takut dengan ancaman Siam ini. Walaupun baginda telah memenuhi segala kehendak Siam, tetapi kerajaan Siam akan terus-menerus mengancam negeri Kedah.

Dalam pada itu, baginda berusaha meminta bantuan dari pihak lain untuk melawan pihak Inggeris. Kebetulan pada masa itu, beberapa buah kapal lanun sedang berlabuh berdekatan dengan negeri Kedah. Kapal-kapal lanun ini datangnya daripada Kepulauan Filipina. Sultan Abdullah meminta pertolongan dari lanun-lanun ini untuk menyerang Pulau Pinang. Baginda berharap akan dapat mengambil balik Pulau Pinang daripada pihak Inggeris. Persediaan perang untuk menyerang pihak Inggeris dilakukan. Setelah segalanya siap, perkara pertama yang dilakukan oleh Sultan Abdullah ialah menahan barang-barang makanan dan barang-barang dagangan lain dibawa masuk ke Pulau Pinang.

Sekatan barang-barang ini diketahui oleh pihak Inggeris. Pihak Inggeris menuduh perbuatan ini dilakukan oleh Sultan Abdullah kerana ingin membalas dendam disebabkan mereka


tidak mahu membantu Sultan Abdullah menentang Siam. Sebelum melancarkan apa-apa serangan, Sultan Abdullah masih mahu berbincang dengan pihak Inggeris. Sepucuk surat segera dihantar ke Pulau Pinang.

Dalam masa menanti jawapan, pihak Inggeris telah menyerang Seberang Prai dengan mengejut. Pihak Sultan Abdullah sungguh terkejut. Mereka tidak sempat bersedia mempertahankan diri. Akhirnya, pihak Sultan Abdullah kalah dengan teruk. Mereka yang hidup sempat lari menyelamatkan diri balik ke negeri Kedah.

Perselisihan yang berterusan di antara Sultan Abdullah dengan Kapten Francis Light mesti dihentikan. Perdamaian mesti dicapai. Dengan itu, kedua belah pihak telah menandatangani surat perdamaian pada 1hb Mei 1791. Semenjak itu juga, kerajaan Kedah dengan kerajaan Inggeris tidak lagi bermusuhan. Hubungan baik ini dapat dikekalkan sehinggalah mangkatnya Sultan Abdullah pada tahun 1798.

Semasa Sultan Abdullah mangkat, baginda mempunyai seorang putera yang masih lagi kecil. Putera baginda ini bernama Tunku Ahmad Tajuddin. Tunku Ahmad Tajuddin sudah tentulah tidak dapat menjalankan pemerintahan disebabkan umur baginda. Oleh itu, adinda Sultan Abdullah iaitu Tunku Dhiauddin telah ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-21 pada tahun 1799. Baginda bergelar Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (II). Perlantikan baginda sebagai Sultan Kedah dipersetujui oleh orang besar-besar Kedah.

Setelah Tunku Ahmad Tajuddin meningkat dewasa, baginda ingin menuntut hak baginda sebagai Sultan Kedah. Baginda kemudiannya meminta pertolongan daripada Raja Siam untuk menabalkan baginda sebagai Sultan Kedah. Sebagai balasan, baginda mengakui akan tunduk kepada kekuasaan kerajaan Siam serta akan tetap setia kepada Raja Siam. Raja Siam setuju. Baginda kemudiannya menitahkan supaya Sultan



Balai Besar di Alor Setar

Dhiauddin diturunkan dari takhta kerajaan. Tunku Ahmad Tajuddin diangkat menjadi Sultan Kedah Ke-22 pada tahun (1804-1821)-1843. Baginda bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (II).

Semasa pemerintahan baginda, beberapa peristiwa telah berlaku hingga mengakibatkan hubungan dengan kerajaan Siam tidak baik. Di antaranya ialah Sultan Ahmad Tajuddin enggan menurut perintah Raja Siam apabila baginda dititahkan supaya menyerang orang Melayu Patani yang dikatakan telah memberontak. Sultan Ahmad Tajuddin juga dituduh membantu Burma menentang Siam. Sudah agak lama Burma menjadi musuh ketat Siam. Permusuhan ini berlaku semenjak pemerintahan Sultan Abdullah lagi. Kerajaan Siam bukan sahaja mahukan hadiah "bunga mas", malah mereka meminta barang makanan dan alat-alat senjata. Bantuan ketenteraan juga diperlukan untuk menolong mereka berperang.

Permintaan Siam kali ini terlalulah berat dan tidak dapat ditunaikan oleh Sultan Ahmad Tajuddin. Raja Siam sangat marah. Keengganan Sultan Ahmad Tajuddin melakukan apa yang diperintahkan menyebabkan Raja Siam mencurigai kesetiaan baginda. Sekali lagi, negeri Kedah diancam oleh kerajaan Siam. Raja Siam telah memberikan kata dua kepada Sultan Ahmad Tajuddin. Kata dua itu berbunyi, sekiranya baginda enggan menjalankan segala suruhan kerajaan Siam, negeri Kedah akan diserang. Tetapi jika baginda mengikut apa yang disuruh, negeri Kedah tidak akan diapa-apakan. Sultan Ahmad Tajuddin sangat susah hati. Baginda meminta pertolongan dari pihak Inggeris. Malangnya, pihak Inggeris hanya berdiam diri. Mereka tidak mahu masuk campur. Masalah yang dihadapi oleh negeri Kedah adalah urusan Sultan Ahmad Tajuddin. Akhirnya, pihak Inggeris hanya menasihatkan Sultan Ahmad Tajuddin supaya menurut segala kehendak kerajaan Siam.

Sultan Ahmad Tajuddin sungguh kesal dengan jawapan dari pihak Inggeris itu. Nampaknya, baginda tidak ada pilihan lain lagi. Baginda tidak boleh berbuat apa-apa. Cadangan pihak Inggeris itu adalah sebaik-baik jalan untuk mengelakkan negeri Kedah dari diserang oleh askar-askar Siam. Demi untuk menyelamatkan rakyat dan negeri baginda, Sultan Ahmad Tajuddin terpaksa menurut kehendak Raja Siam. Raja Siam bangga kerana Sultan Kedah mengikut cakap baginda.

Tidak lama kemudian, Raja Siam menyuruh negeri Kedah menyerang negeri Perak. Serangan ini mesti dilakukan kerana negeri Perak tidak mahu mengaku akan kekuasaan dan tunduk kepada kekuatan kerajaan Siam. Sebagai tanda jajahan takluk, negeri Kedah mesti memaksa negeri Perak menghantar “bunga mas” kepada kerajaan Siam. Sultan Ahmad Tajuddin menjadi serba salah. Jika baginda tidak menjalankan perintah Raja Siam itu, negeri Kedah akan diserang.

Apa yang mesti dilakukan? Hendak menyerang negeri Perak? Rasanya tidak sanggup baginda menurut perintah Raja Siam. Negeri Perak bukanlah musuh baginda. Fikiran Sultan Ahmad Tajuddin menjadi buntu. Setelah itu, baginda menghantar sepucuk surat kepada Sultan Perak dan menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Balasan surat Sultan Perak diterima. Sultan Perak mencadangkan supaya mereka bersatu untuk menentang Siam. Sultan Ahmad Tajuddin sedar walaupun askar-askar negeri Kedah bersatu dengan askar-askar negeri Perak, mereka tidak akan menang juga. Askar-askar Siam terlalu kuat. Mereka pasti tidak dapat mengalahkan pihak Siam. Agak lama juga baginda berusaha mencari jalan lain bagi mengatasi masalah ini. Baginda cuma ada dua pilihan. Pertama, negeri Perak mesti diserang. Kalau tidak diserang, negeri Kedah pula yang akan diserang. Kedua, jangan pedulikan perintah Raja Siam. Hadapi sahaja serangan dari Siam. Hadapi serangan dari Siam? Tidak! Tidak sama sekali!



Sultan Abdul Hamid

Akhirnya, Sultan Ahmad Tajuddin mengambil keputusan untuk menyerang negeri Perak. Titah baginda dijalankan. Dengan itu, tentera Kedah pun menyerang negeri Perak. Negeri Perak dapat ditawan pada tahun 1818 dan Sultan Perak dipaksa menghantar "bunga mas" kepada Raja Siam. Kemenangan ini disambut dengan gembira oleh Raja Siam. Cita-cita baginda berjaya juga akhirnya untuk meluaskan pengaruh ke Negeri-negeri Melayu.

Bagi Sultan Ahmad Tajuddin, malang pula yang menimpa. Masalah baginda tidak berakhir di situ sahaja. Ada pihak yang menaburkan fitnah ke atas baginda. Baginda dikatakan mahu memberontak melawan Siam, tidak mahu memerintah dengan baik, tidak menurut perintah dan lain-lain lagi. Kerajaan Siam juga mengesyaki yang Sultan Ahmad Tajuddin menyebelahi Burma, musuh Siam. Semua faktor ini menyebabkan Siam menyerang negeri Kedah pada tahun 1821.

Askar-askar Kedah tidak berjaya mempertahankan negeri mereka. Mereka telah kalah teruk. Ramai rakyat dibunuh. Sultan Ahmad Tajuddin pula terpaksa menyelamatkan diri lari ke Pulau Pinang. Seterusnya, kerajaan Siam mengambil alih pemerintahan negeri Kedah. Kerajaan Siam telah memerintah dengan zalim. Ramai rakyat melarikan diri ke Seberang Prai dan Pulau Pinang. Kezaliman pemerintahan kerajaan Siam ini telah menimbulkan rasa belas kasihan pihak Inggeris terhadap rakyat negeri Kedah. Pihak Inggeris kemudiannya telah berusaha berunding dengan kerajaan Siam. Mereka meminta supaya kerajaan Siam hendaknya memerintah dengan secara adil dan tidak melakukan sebarang bentuk kekejaman.

Akibat dari pemerintahan kerajaan Siam yang zalim ini, orang-orang Melayu telah bangkit memberontak. Mereka seringkali menyerang pihak Siam. Walaupun mereka tidak menang, tetapi ramai juga orang Siam yang terbunuh. Ini



Tunku Abdul Rahman

menyebabkan kerajaan Siam membuat keputusan untuk menyerahkan balik negeri Kedah kepada orang Melayu. Ketika itu, Sultan Ahmad Tajuddin berada di Melaka. Baginda dihantar ke sana oleh pihak Inggeris. Sultan Ahmad Tajuddin telah dipanggil balik. Pada mulanya, baginda enggan balik memerintah negeri Kedah kerana takutkan Siam. Setelah didesak, barulah baginda mahu kembali memerintah. Penduduk negeri Kedah yang dahulunya berjumlah 180,000 orang hanya tinggal 6,000 orang sahaja. Tidak lama kemudian, penduduk negeri Kedah bertambah.

Negeri Kedah menjadi semakin maju di bawah pemerintahan Sultan Kedah Ke-24. Baginda ialah Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Baginda menaiki takhta pada tahun 1854-1879. Sultan Ahmad Tajuddin adalah seorang pemerintah yang bijak. Baginda telah bersahabat baik dengan pihak Siam dan juga pihak Inggeris. Malahan baginda telah berkahwin dengan anak angkat Raja Siam. Pada zaman pemerintahan baginda juga, ramai saudagar asing datang berniaga. Baginda telah membuka banyak tanah untuk menanam kopi dan bunga cengkih. Ini menyebabkan bertambah ramai orang luar datang ke negeri Kedah. Mereka yang datang ini terutamanya dari negara China dan India. Jalan raya juga telah mula dibina.

Setelah baginda mangkat, putera baginda yang bernama Tunku Zainal Rasyid menggantikan baginda. Baginda bergelar Sultan Zainal Rasyid Muazzam Shah (II). Baginda adalah Sultan Kedah Ke-25. Baginda menaiki takhta pada tahun 1880. Pemerintahan baginda tidaklah lama. Sultan Zainal Rasyid hanya memerintah untuk satu tahun sahaja. Selepas itu berlakulah sedikit perebutan kuasa tetapi dengan pertolongan Raja Siam, Sultan Abdul Hamid Shah ditabalkan sebagai Sultan Kedah Ke-26. Pertabalan baginda ini berlangsung pada tahun 1882.



Sultan Badlishah

Sultan Abdul Hamid adalah seorang sultan yang bijaksana dan berfikiran luas. Baginda juga dengan berani dan penuh yakin telah menukar corak pemerintahan negeri Kedah. Baginda telah melawat banyak negeri dalam Tanah Melayu. Baginda juga tidak ketinggalan melawat ke beberapa buah negara jiran seperti Siam dan Burma. Dalam lawatan baginda ini, baginda telah dapat bertukar-tukar fikiran dan berbincang mengenai cara-cara memerintah dengan lebih berkesan. Malangnya, baginda sering gering dan negeri Kedah terpaksa diperintah oleh Pemangku Sultan.

Siam akhirnya telah menyerahkan negeri Kedah kepada Inggeris. Ini berlaku pada tahun 1909. Beberapa orang pegawai Inggeris telah dihantar untuk menjadi penasihat kerajaan negeri Kedah. Sultan Abdul Hamid membuat hubungan persahabatan dengan Inggeris. Baginda pernah membuat lawatan ke negara England.

Salah seorang isteri Sultan Abdul Hamid ialah Che Menjelara. Beliau adalah keturunan Siam. Hasil perkahwinan baginda dengan Che Menjelara ini, mereka telah dikurniakan beberapa orang putera dan puteri. Salah seorang daripada putera baginda ialah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Tunku adalah Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Sultan Abdul Hamid masih memerintah semasa Jepun menyerang Tanah Melayu pada tahun 1941. Baginda tidak melarikan diri tetapi telah disembunyikan oleh putera baginda sendiri iaitu Tunku Abdul Rahman. Baginda kemudiannya mangkat pada 13hb Mei 1943. Baginda digantikan oleh putera baginda yang bernama Sultan Badlishah sebagai Sultan Kedah Ke-27.

Sultan Badlishah mempunyai banyak pengalaman dalam menjalankan urusan pentadbiran negeri kerana baginda pernah berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan. Baginda memerintah



Sultan Abdul Halim Muazzam Shah

dengan tegas. Rakyat lebih diutamakan. Taraf hidup orang-orang Melayu diperbaiki. Jawatan-jawatan kerajaan diberikan kepada kerabat diraja dan orang-orang Melayu. Cuma sedikit sahaja jawatan yang dipegang oleh orang Inggeris. Sultan Badlishah mangkat dalam tahun 1958 setelah memerintah negeri Kedah selama 15 tahun.

Kedah pada masa ini diperintah oleh Sultan Abdul Halim Muazzam Shah. Baginda bersemayam di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah. Baginda mula memerintah pada tahun 1958 iaitu setahun selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Jadi, tidak hairanlah jika banyak kemajuan yang telah dicapai oleh negeri Kedah.

Alor Setar adalah ibu negeri dan juga bandar diraja Kedah. Negeri Kedah terbahagi kepada 11 buah daerah. Daerah-daerah itu ialah Kota Setar, Sik, Yan, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kuala Nerang, Baling, Kulim, Sungai Petani, Pulau Langkawi dan Bandar Baru. Negeri yang pada masa dahulunya hanya dikenali sebagai "jelapang padi" Malaysia, kini telah membangun pesat dalam bidang perindustrian. Walaupun begitu, sifat "jelapang padinya" tidak akan hilang. Jika kita melawat negeri Kedah, di sepanjang perjalanan kita akan dapat melihat sawah padi luas terbentang. Amat cantik sekali pemandangan ini. Pemandangan yang sungguh indah dan menyejukkan hati sesiapa yang memandangi tidak akan mudah dilupakan dari ingatan.

SIRI SEJARAH RINGKAS TANAH AIR

Siri Sejarah Ringkas Tanahair mengandungi 13 judul. Ianya mengenai sejarah ringkas yang berlaku di tiap-tiap negeri ini. Ia berkisar tentang pembukaan negeri itu, asal-usul nama negeri, Sultan-sultan yang memerintah dan keturunan, cara pemerintahan mereka, hubungan dengan kuasa-kuasa barat, kejayaan dan kemajuan yang dicapai sehinggalah pemerintahan Sultan yang sekarang. Dengan lahirnya buku ini, pelajar-pelajar dapat mengetahui tentang sejarah negeri mereka walaupun tidak secara terperinci dan semangat cintakan Raja dan tanahair.

Judul-Judul dalam Siri:—

- PERLIS (Indera Kayangan)
- KEDAH (Darul Aman)
- PULAU PINANG (Pulau Mutiara Timur)
- PERAK (Darul Ridhwan)
- NEGERI SEMBILAN
- SELANGOR (Darul Ehsan)
- MELAKA
- JOHOR (Darul Takzim)
- PAHANG DARUL MAKMUR
- KELANTAN (Darul Naim)
- TERENGGANU (Darul Iman)
- SABAH (Negeri Di Bawah Bayu)
- SARAWAK (Bumi Kenyalang)

PELANDUK PUBLICATIONS

Dicetak oleh: Champion Printers Sdn. Bhd.
302, Jalan Sungei Besi, Kuala Lumpur.

ISBN 967-978-118-6 (Siri)
ISBN 967-978-121-6